



KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI

SIARAN MEDIA

**SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Kelantan hari ini yang dipengerusikan secara bersama oleh YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan dan YB Senator Dr. Radzi Jidin, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Penyediaan RMKe-12 ini akan mengambil pendekatan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri untuk merapatkan jurang ekonomi, menstruktur semula ekonomi serta membentuk sebuah negara bangsa yang bersatu-padu dan hidup dalam harmoni agar Malaysia menjadi paksi untuk ekonomi Asia menjelang tahun 2030. Sesi libat urus yang ke-13 ini juga meneroka keunikan dan kekuatan yang boleh dioptimumkan di Negeri Kelantan dalam mencipta Kemakmuran Bersama.

Di bawah *Rolling Plan 4* (2019) RMKe-11, Kelantan merupakan salah satu negeri yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan Persekutuan di mana sebanyak RM1.4 bilion telah diperuntukkan kepada Negeri Kelantan daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Ini bagi membolehkan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik untuk memastikan pertumbuhan saksama demi meningkatkan kesejahteraan rakyat di Negeri Kelantan.

Kerajaan turut memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi rentas sempadan melibatkan Negeri Kelantan dengan Thailand. Dalam hal ini, platform dua hala dan kerjasama serantau Strategi Pembangunan Bersama Kawasan Sempadan (JDS) Malaysia – Thailand dan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) akan terus dimanfaatkan bagi pembangunan Negeri Kelantan.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah YB Dato' Haji Mohd Amar Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan, YB Dato' Kaya Setia Haji Nazran Muhammad, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan, Pengarah-pengarah MEA serta Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Kelantan dan Jabatan Persekutuan di Kelantan.

**Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

5 September 2019